

**SOALAN NO. 241****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [ POKOK SENNA ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenyataan yang dikeluarkan oleh laman facebook JPM pada 10 Januari 2018 yang menyatakan bahawa kehadiran beberapa ahli keluarga dan kenalan Perdana Menteri sempena lawatan rasmi beliau ke Arab Saudi adalah atas perbelanjaan sendiri bagi menunaikan ibadat umrah:

(a) bagaimana ahli keluarga dan kenalan Perdana Menteri membayar balik kos penerbangan tersebut kepada pihak Kerajaan dan berapakah kos yang terlibat; dan

(b) berapakah kos keseluruhan lawatan Perdana Menteri ke Arab Saudi dan berapa pula kos yang dibayar oleh ahli keluarga dan kenalan Perdana Menteri yang turut bersama di dalam lawatan tersebut.

104

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Perdana Menteri telah mengadakan lawatan kerja ke Arab Saudi dari 8 hingga 11 Januari 2018 yang lalu. Lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Arab Saudi adalah atas jemputan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulazizi Al-saud. Tujuan lawatan kerja ini adalah bagi membincangkan isu-isu dua hala yang telah dipersetujui kedua-dua Negara semasa Lawatan Negara Raja Salman ke Malaysia tahun lalu. Lawatan kerja tersebut turut diiringi oleh YABhg. Datin Sri Rosmah Mansor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Jamil Khir Baharom dan pegawai-pegawai daripada Pejabat Perdana Menteri.

YAB Perdana Menteri dan delegasi telah diberikan taraf Tetamu Negara oleh Kerajaan Arab Saudi sepanjang lawatan kerja tersebut. Dalam lawatan yang sama, YAB Perdana Menteri turut berniat untuk menunaikan ibadah Umrah di Tanah Suci semasa lawatan kerja tersebut. Justeru, YAB Perdana Menteri telah menjemput ahli keluarga beliau, termasuklah Tun Hajjah Rahah Mohammad Noah, ibu kepada YAB Perdana Menteri untuk bersama-sama beliau mengerjakan ibadah Umrah di Tanah Suci.

Tempahan dan pembayaran kos-kos berkaitan penerbangan, penginapan dan pengangkutan yang melibatkan ahli keluarga dan kenalan YAB Perdana Menteri telah diuruskan oleh mereka sendiri secara berasingan.

Sehubungan dengan itu, tidak wujud isu pembayaran balik kos penerbangan oleh ahli keluarga dan kenalan YAB Perdana Menteri kepada Kerajaan kerana tempahan dan pembayaran kos tersebut telah diurus dan ditanggung sepenuhnya oleh mereka sendiri secara berasingan.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
DARIPADA [ POKOK SENA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) berapa kos bayaran BESTARINET sebulan serta jumlah sekolah yang dapat manfaat; dan
- (b) berapa tahun tempoh perjanjian Bestarinet dan adakah perjanjian akan disambung.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kos Perjanjian Perkhidmatan 1BestariNet Fasa 2 ialah RM1.5 billion bagi tempoh perjanjian selama 3 tahun iaitu bermula 01 Julai 2016 hingga 30 Jun 2019. Bagi bulan Januari 2018, sebanyak 9,379 buah sekolah telah dirangkaikan dengan 1BestariNet Fasa 2 dengan kos RM34,381,548.87. Setakat ini, Kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan untuk melanjutkan perjanjian ini dan sebarang perlanjutan adalah berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan.